

UPM tawar kursus pembelajaran sepanjang hayat

Kelas berenang, pementasan teater, pembelajaran bahasa Arab, Korea serta Mandarin, fotografi, seni suara, akidah Islam, gamelan, asas seni khat dan seni pasu seramik adalah antara kursus ditawarkan kepada warga tua bagi menghabiskan masa lapang dengan aktiviti bermanfaat menerusi pembelajaran sepanjang hayat di Universiti Era Ketiga (U3A).

U3A adalah konsep dibangunkan dengan menggabungkan model pembelajaran sepanjang hayat dari Perancis dan British yang membolehkan warga tua menghabiskan masa lapang dengan aktiviti berfaedah, sekali gus dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kehidupan mereka.

Diketuai Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Tengku Aizan Hamid, universiti ini tidak mengurniakan sebarang ijazah akademik tetapi hanya membantu mereka yang mahu belajar.

Tengku Aizan ketika ditemui berkata, kursus ditawarkan di universiti itu direka untuk menggalakkan pemerolehan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman untuk pelbagai tujuan termasuk penajanaan pendapatan.



Senaman antara aktiviti dianjurkan UPM bagi warga tua.

[FOTO MAYA SARINA MAHAT/BH]

Dua semester setahun

“Setiap tahun, ahli U3A boleh memilih untuk mendaftar bagi mana-mana kursus yang ditawarkan pada semester yang diadakan dua kali setahun. Kelas diadakan di kampus UPM Serdang.

“Lebih menarik, penyertaan aktif warga tua dalam proses pembelajaran mereka sendiri. Warga tua sering menyediakan input, maklum balas dan penilaian kursus dan ada juga yang menjadi tenaga pengajar,” katanya.

Sejak penubuhannya pada tahun 2008, universiti itu kini mempunyai lebih 300 pelajar dan menganjurkan lebih 40 kursus berlainan. Program universiti pembelajaran sepanjang hayat ini dimanfaatkan oleh ratusan warga tua dari kawasan lembah Klang, Kajang dan Hulu Langat.

Bukan saja U3A, Institut Penyelidikan Penuaan UPM ini turut mengadakan program Memperkasakan Kewangan Wanita Matang CITI-UPM bagi kumpulan sasar wanita berusia 40 tahun ke atas dengan kerjasama Persatuan Wanita (PERMATA), UPM sendiri dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO).

“Kajian mendapati majoriti wanita dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah menghadapi masalah kewangan terutama pada usia tua. Justeru, bagi membantu kumpulan ini, kami mengadakan kursus bagi membolehkan mereka mempelajari pengurusan kewangan termasuk perbelanjaan, simpanan dan pelaburan dengan lebih bijak.

“Ada dalam kalangan wanita matang yang mengikuti program ini mengakui mereka kini lebih berhemah ketika berbelanja dan akan berusaha untuk menabung,” katanya.

Mengambil contoh daripada program Citi-Tsao Foundation Financial Education Programme for Mature Women yang dilaksanakan di Singapura sejak tahun 2008, pihaknya mengubah suai program mengikut kesesuaian budaya dan persekitaran negara ini.

Usaha seumpama itu diharap mampu memberi jaminan keselamatan kewangan yang lebih baik bagi memudahkan kehidupan pada hari tua. Pendekatan yang digunakan dalam projek ini adalah berasaskan kajian ke atas kumpulan sasar, sekali gus memberi khidmat bakti kepada mereka khususnya dan kepada komuniti umum.



DENGAN KERJASAMA



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disiarkan sehingga 31 Disember 2015.

头巾
Tóujīn
TUDUNG



Untuk maklumat berkenaan kursus, sila hubungi:
Tel : 603 - 41442788
Faks : 603 - 41443098
Laman Web : www.hccm.com.my/ms
E-mel : info@hccm.com.my

SIRI 175

Panduan menggunakan aplikasi AR untuk tonton video

1 Muat turun aplikasi di App Store dan Google Play dengan kata kunci carian ZOOM BH

2 Imbas keseluruhan kotak merah

3 晚上女 Video dimainkan



1300 22 6787
www.bharian.com.my
The New Straits Times Press (M) Bhd

